

ANUGERAH PENERBITAN MAKALAH JURNAL UiTM 2016

KRITERIA, SYARAT & PERATURAN

ASAS ANUGERAH

Anugerah ini adalah untuk memberi pengiktirafan kepada pensyarah yang menghasilkan makalah jurnal terbaik, satu dalam bidang Sains dan satu dalam bidang Sains Sosial / Sastera bagi tahun yang dinilai. Pemenang Anugerah ini boleh memohon semula pada tahun-tahun berikutnya.

KRITERIA PEMOHON

- i. Bagi bidang Sains dan Sains Sosial / Sastera, keutamaan diberikan kepada makalah yang diterbitkan dalam jurnal berimpak tinggi yang diindeks oleh *ISI Thomson*, *SCOPUS* atau ERA terkini. Bagi bidang khusus yang merangkumi Kesusasteraan, Pengajian Melayu, Pengajian Islam serta Pengajian Seni, keutamaan diberikan kepada jurnal berimpak tinggi.
- ii. Hanya penulis utama (*principal / corresponding author*) sahaja layak memohon.
- iii. Setiap pemohon hanya dibenarkan mengemukakan **SATU (1)** makalah sahaja untuk pertimbangan.
- iv. Makalah tersebut perlu mempunyai nama jurnal, jilid, muka surat dan tahun penerbitan yang dinilai. Tarikh penerbitan *preview / early view* tidak diambil kira.

KRITERIA PENILAIAN ANUGERAH

- i. Makalah yang diterbitkan dalam jurnal yang mempunyai faktor impak tertinggi akan di senarai pendek untuk penilaian.
- ii. Penentuan pemenang adalah berasaskan skor yang diberi kepada perkara berikut:
 - Keaslian makalah
 - Impak dalam bidang ilmu
 - Sumbangan kepada negara
 - Impak kepada manusia sejagat

NILAI ANUGERAH

Trofi Anugerah Penerbitan Makalah Jurnal UiTM beserta wang tunai dan sijil penghargaan oleh Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan.